



SIARAN MEDIA

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MEMPERKASA PENULISAN DAN PENERBITAN SAINTIFIK, MEMPERLUAS IMPAK PENYELIDIKAN

IPOH, 18 Ogos 2026 – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) telah menganjurkan Seminar dan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Saintifik 2026 di Hotel Travelodge Ipoh, Perak.

Penganjuran program ini bertujuan memperkukuh kemahiran golongan profesional dan teknikal dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti dan berintegriti serta sesuai untuk diterbitkan dalam penerbitan saintifik. Selain itu, program ini turut memberi pendedahan kepada peserta mengenai perkembangan terkini dalam bidang penerbitan ilmiah, khususnya dalam usaha memperkukuh penerbitan bahan ilmiah dalam bahasa Melayu.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia dengan tema “Penerbitan Berimpak Tinggi Teras Perkembangan Ilmu”.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa penerbitan saintifik merupakan petunjuk penting terhadap sejauh mana hasil penyelidikan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu, menyelesaikan permasalahan serta memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Menurut beliau, penerbitan yang berkualiti perlu menjadi medium untuk memastikan hasil penyelidikan tidak terhenti di peringkat makmal atau institusi, sebaliknya dapat dikongsi, difahami dan dimanfaatkan oleh pelbagai pihak.

“Penerbitan berimpak tinggi adalah cerminan kepada hasil penyelidikan dan kesannya dalam menyelesaikan masalah, memberi manfaat kepada masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara,” katanya.

Program ini turut memberi perhatian kepada landskap penerbitan saintifik yang semakin dipengaruhi oleh perkembangan pesat sekarang iaitu Kecerdasan Buatan (AI), analisis data dan penerbitan akses terbuka. Perkembangan tersebut membuka peluang proses penulisan dan penyebaran ilmu, namun pada masa yang sama memerlukan pemahaman yang kukuh mengenai integriti akademik, ketepatan data, plagiarisme, etika penggunaan AI dan hak cipta.

Sesi bengkel yang diadakan turut memberi peluang kepada peserta untuk memperkasa kemahiran penulisan dan penerbitan, di samping meningkatkan keupayaan menghasilkan karya saintifik yang berkualiti, berintegriti dan memenuhi keperluan penerbitan semasa.

Penglibatan pelbagai institusi akademik, agensi kerajaan, penerbit dan pemain industri melalui program ini turut menekankan kepentingan gabungan kepakaran dalam bidang sains, teknologi, bahasa dan penerbitan bagi memastikan hasil ilmu dan penyelidikan dapat disampaikan dengan tepat, berwibawa serta mudah difahami oleh masyarakat.

Kerjasama Nuklear Malaysia dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) turut dizahirkan melalui segmen “Nuklear Untuk Rakyat” dalam *Majalah Dewan Kosmik*, selain penerbitan buku dan ensiklopedia serta usaha memperkaya pengistilahan sains dalam bahasa Melayu. Seiring dengan perkembangan pesat istilah sains dan kejuruteraan, penglibatan penulis dalam menghasilkan bahan ilmiah dalam bahasa Melayu juga perlu diperkukuh agar sentiasa selari dengan perkembangan semasa.

Bagi Nuklear Malaysia, usaha memperkukuh amalan penulisan dan penerbitan saintifik adalah usaha berterusan yang tidak secara langsung menunjukkan komitmen dalam menyokong aspirasi “Nuklear Untuk Rakyat” (N.U.R.) di bawah Dasar

Teknologi Nuklear Negara 2030. Nuklear Malaysia telah menghasilkan lebih 500 penerbitan ilmiah setiap tahun yang merangkumi jurnal antarabangsa, prosiding persidangan, buku ilmiah, laporan teknikal dan artikel popular dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Penganjuran bengkel kali ini turut disokong oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), PTS Media Group, Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan MajalahSains.com. Penglibatan serta sumbangan kepakaran dan perspektif daripada pelbagai institusi dan organisasi ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh penulisan saintifik dan teknikal yang berkualiti, relevan serta berimpak kepada masyarakat.

Melalui penulisan dan penerbitan saintifik yang berterusan, hasil penyelidikan dapat dikembangkan daripada ilmu kepada pengetahuan, diterjemahkan kepada inovasi dan seterusnya memberi nilai tambah kepada masyarakat serta pembangunan negara.

– TAMAT –

Disediakan oleh:

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
18 OGOS 2026

Mengenai Agensi Nuklear Malaysia

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

Untuk pertanyaan: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my atau hubungi Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676 / 019-6285309.